



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 17 SEPTEMBER 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ATASI KEKURANGAN BERAS PUTIH MENJELANG Hujung TAHUN, SETEMPAT, METRO AHAD -8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KRISIS BERAS DAH BERLAKU SEJAK 1971, SETEMPAT, METRO AHAD -9	
3.	DUA KUNCI CAPAI 100 PERATUS SSL BEKALAN BERAS, EDISI 9 -ONLINE	
4.	PENGURUSAN EFISIEN, TINGKAT PRODUKTIVITI TANGANI ISU BERAS, NASIONAL, BH AHAD -11	
5.	RICE IS SOLD OUT, CENTRAL, CHINA PRESS -C1	
6.	LOCAL RICE IS BEING SNATCHED UP INSTANTLY, NATION, CHINA PRESS -A1 & A6	
7.	CHAN: RICE SHORTAGE ISSUES IS JUST TEMPORARY, NEWS, GUANG MING DAILY -A7	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Atasi kekurangan beras putih menjelang hujung tahun		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	17 Sep 2023	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	120,979
Page No	8	Readership	362,937
Language	Malay	ArticleSize	119 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,688
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,064



Atasi kekurangan beras putih menjelang hujung tahun

Kuala Lumpur: Isu kekurangan beras putih tempatan dijangka dapat diatasi sepenuhnya menjelang penghujung tahun ini menerusi beberapa langkah segera yang diambil Bahagian Kawalselia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Ketua Pengarahnya, Datuk Azman Mahmood berkata, satu pertemuan bersama pengusaha restoran, penjaja kecil dan pihak berkaitan diadakan di Putrajaya kelmarin membin-

cangkan inisiatif segera memastikan bekalan beras tidak terjejas di pasaran.

Katanya, antara langkah diambil termasuklah menambah bekalan di hypermarket selain peniaga diberikan diskaun untuk membeli beras import bagi tujuan perniagaan.

“Dari segi langkah intervensi, kita juga menetapkan bekalan di 41 outlet Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) serta 1,400 outlet Lembaga Pertubuhan Peladang di seluruh negara.

“Selain itu, buat kali pertama, kita memberi 103 lesen kepada pemborong kecil untuk mereka pek beras dan hantar ke seluruh Semenanjung.

“Perlu difahami, tidak ada isu bekalan dan kita sedang berusaha mengatasi masalah ini demi kepentingan semua,” katanya.

Azman berkata, pihaknya berharap dengan langkah intervensi menerusi kerjasama antara agensi, orang ramai boleh mendapatkan bekalan beras tempatan di outlet yang ada.

Headline	KRISIS BERAS DAH BERLAKU SEJAK 1971		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	17 Sep 2023	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	120,979
Page No	9	Readership	362,937
Language	Malay	ArticleSize	827 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 32,579
Frequency	Daily	PR Value	RM 97,736



Isu bekalan dan harga beras kembali menjadi topik perbualan ramai sejak minggu lalu mengandungi kebimbangan pengguna mengenai kos sara hidup. Ia susulan langkah Padiberas Nasional Bhd (Bernas) yang menyelaraskan harga jualan beras putih import kepada RM3,200 satu tan metrik berkuat kuasa mulai 1 September.

Pelbagai dakwaan dilemparkan termasuk wujudnya pertukaran kaitan beras tempatan kepada import untuk mengaut untung mudah.

Penolong Pengarang Berita, **YUSMIZAL DOLAH ALING** mendapatkan Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) **DATUK AZMAN MAHMOOD** bagi mengulas isu itu untuk Kafe Ahad minggu ini.

Kenaikan harga beras putih import serta kesukaran untuk mendapatkan bekalan beras Super Special Tempatan (SST) menjadi isu terbaru. Apa yang pengguna perlu faham?

Kenaikan harga beras import berlaku disebabkan harga beras dunia sudah pun naik. Bernas dipertanggungjawabkan untuk import beras dan harga pasaran sekarang ini di peringkat dunia adalah AS\$650 dan dijangka naik sehingga AS\$700. Susulan daripada itu, permintaan beras tempatan dijangka mendapat permintaan yang banyak daripada orang ramai tapi tinjauan awal kita mendapati ramai yang membeli dalam jumlah pukal yang banyak antara 500 hingga 700 kaitan terutama di peringkat peniaga. Sebab itu saya buat kawalan pembelian 10 kaitan 10 kilogram (kg) di mana setiap kali pembelian tidak boleh melebihi 100 kg. Ini yang kita buat kawalan di bawah Peraturan 10 (1b) di bawah Akta Kawalselia Padi dan Beras (Akta 522).

Permintaan beras tempatan ataupun SST5 mendapat sambutan sejak kenaikan harga dunia. Sebelum ini kita dapati permintaan biasa-biasa saja dan ramai rakyat kita tidak berminat dengan beras tempatan kerana beras tempatan bukan saja yang paling murah di Asia Tenggara, RM2.60 per kg ataupun RM26 untuk 10kg, boleh dikatakan yang termurah di dunia.

Ada orang beranggapan, waktu naik harga baru penguatkuasa Bahagian Kawalselia muncul, sebagai Ketua Pengarah, apa jawapan Datuk?

Krisis beras ini sudah pun berlaku 1971, maka diwujudkan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN), satu badan yang lebih fokus untuk

menjaga padi dan beras negara pada ketika itu. Namun ianya sudah dibubarkan dan Bernas mengambil alih pada 1996. Walau bagaimanapun, Bernas hanya bertanggungjawab untuk mengimport beras putih. Dari segi dasar, penguatkuasaan, polisi masih lagi di bawah Kawalselia Padi dan Beras (KPB) yang kini di bawah KPKM.

Pada masa ini saya memikul tanggungjawab sebagai Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Industri Padi dan pada masa sama sebagai Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras mengikut dalam Akta 522 yang dilantik oleh menteri.

Kita sudah pun melancarkan Op Jamin. Ia adalah kerjasama antara KPKM dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk meninjau bekalan beras terutama beras tempatan di seluruh negara. Kenapa kerjasama ini berlaku, kerana KPDN mempunyai anggota sampai di peringkat daerah yang



HARGA PASARAN SEKARANG DI PERINGKAT DUNIA AS\$650
KRISIS BERAS DAH BERLAKU SEJAK 1971



PERMINTAAN beras tempatan ataupun SST mendapat sambutan sejak kenaikan beras dunia.

boleh membantu kami untuk mendapatkan maklumat mengenai bekalan beras di seluruh negara. Dengan itu penguatkuasaan ini, kita dapat data yang lebih tepat. Setakat ini terdapat 1,200 pemeriksaan Op Jamin kita jalankan di seluruh negara dan kita dapati satu kes di Selangor yang menaikkan harga beras tempatan daripada RM2.60 kepada satu harga yang lebih dan kita sudah dakwa perucit berkenaan.

Namun untuk pertukaran kaitan kita perlu dapat aduan

rasmil daripada individu atau pun orang lain.

Bagaimana dengan bekalan beras putih tempatan ketika ini? Adakah tindakan peniaga membeli dalam jumlah yang banyak menyebabkan masalah kekurangan bekalan?

Bekalan beras putih tempatan amat terhad ketika ini namun kawalan kita hadkan kepada 10 kaitan atau 100kg untuk kita kawal supaya kita boleh agihkan dan dapat dirasai seluruh rakyat kita. Perkara ini adalah bersifat sementara, apabila kita buat langkah intervensi iaitu kita perbanyakan lagi beras tempatan dengan penambahan 20 peratus lagi, kita jangka dapat selesai dalam tempoh sebulan.

Apakah berlaku manipulasi harga kawalan yang ditetapkan kerajaan dengan menukar

kaitan beras tempatan kepada kaitan beras import dan adakah kenaikan harga berlaku secara tergesa-gesa?

Setakat ini kita belum menerima aduan secara rasmi mengenai penukaran beras kaitan tempatan kepada beras kaitan import. Jika mana-mana pihak atau individu ada maklumat, boleh buat aduan kepada Kawal selia Padi dan Beras di seluruh negara supaya kita boleh ambil tindakan undang-undang kepada mereka yang terbahit. Kita akan batalan lesen serta-merta.

Kenaikan harga beras hanya di peringkat beras import dan Bernas sudah mengemukakan kenaikan harga beras ini pada bulan Jun, tetapi perkara ini berlaku pada 1 September 2023. Ini tidak boleh ditahan lagi kerana isu global. Beras dunia yang meningkat naik, jika Bernas tidak dapat menalakkan harga beras di peringkat pemborong, Bernas tidak boleh lagi bertahan dalam perniagaan mereka. Itu yang saya dimaklumkan.

Isu beras seolah-olah dipolitikkan, apa yang sepatutnya dibuat penggiat industri dan netizen?

Saya berharap isu beras dan padi ini tidak perlu kita politikkan kerana ini adalah isu negara. Ia membabitkan keterjaminan makanan yang menjadi tanggungjawab bersama. Semua pihak perlu memainkan peranan dan saya berharap semua pihak dapat bertenang kerana kekurangan beras tempatan ini dapat kita atasi dalam tempoh sebulan dan ia di peringkat pelaksanaan. Jika ada yang mempunyai masalah kekurangan bekalan beras tempatan, boleh maklumkan kepada KPKM melalui KPB dan kita akan cuba mengatasi semua masalah ini dalam masa terdekat.

Kita pun sudah mengatasi masalah ini seperti mana ketika pandemik Covid-19, isu bekalan beras tidak menjadi isu nasional kerana tidak dipolitikkan pada ketika itu. Namun kini saya melihat rata-rata ramai yang memberikan pandangan, mengkritik ketidahan beras tempatan tapi tidak membuat aduan rasmi kepada kita. Perkara ini perlu dielakkan supaya ia dapat meredakan keadaan dan tidak menimbulkan suasana panik di seluruh negara.

Kita tidak ada pilihan melainkan menghasilkan sendiri beras. Sebab itu kita laksanakan Sawah Berskala Besar (Smart SBB) di Sekinchan untuk kita perkuatkan di seluruh negara. Sekarang secara purata kita hasilkan 3.7 metrik tan per hektar. Sekiranya kita dapat tingkatkan enam metrik tan per hektar, Malaysia boleh menjadi SSL kepada 100 peratus, mungkin kita jadi negara pengeksport bila tiba waktunya nanti.

“Bekalan beras putih tempatan amat terhad ketika ini namun kawalan kita hadkan kepada 10 kaitan atau 100kg untuk kita kawal supaya kita boleh agihkan dan dapat dirasai seluruh rakyat kita”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2023	EDISI 9	ONLINE	

Dua kunci capai 100 peratus SSL bekalan beras



Kejayaan petani Sekinchan dalam penghasilan padi yang tinggi perlu dijadikan model bagi industri padi negara. – Gambar hiasan

ISU bekalan beras negara kembali menjadi perhatian utama dalam landskap krisis makanan global, dan Malaysia tidak terkecuali.

Sejak krisis beras yang melanda dunia pada tahun 2008, kebergantungan tinggi kepada import beras telah menjadi satu masalah yang semakin serius.

Dengan lebih daripada 30 peratus keperluan beras Malaysia diimport, negara kini terdedah kepada risiko ketergantungan luar yang berpotensi membawa kepada krisis makanan dalam jangka masa terdekat.

Penting untuk negara ini bertindak segera dan berusaha untuk mencapai 100 peratus kadar mampu diri (SSL) dalam bekalan beras.

Untuk mencapai matlamat ini, dua strategi utama ini perlu diambil.

1. Pengurusan padi yang lebih efisien

Pengurusan tanah padi negara perlu ditingkatkan secara menyeluruh.

Kini, hampir 10 peratus kawasan tanah padi tidak diusahakan sepenuhnya, terutama semasa penanaman luar musim dan di kawasan bukan jelapang.

Langkah-langkah perlu diambil untuk memastikan kesemua tanah padi dapat dimanfaatkan dengan baik sepanjang tahun.

Ini akan meningkatkan hasil padi secara keseluruhannya.

Kejayaan petani Sekinchan sejak sekian lama dalam penghasilan padi yang tinggi perlu dijadikan model bagi industri padi negara.

Usaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam mereplikasi teknologi dan pengurusan penanaman padi Sekinchan ke seluruh negara perlu disokong dan disambut khususnya para petani.

Konsolidasi petani-petani kecil dengan bantuan yang tersasar juga mampu mengelakkan mereka mengamalkan 3-T (tanam, tinggal, tuai) pada sawah mereka.

Konsolidasi ini dapat menyeragamkan pengurusan penanaman, memurnikan kos input dan pemantauan yang lebih menyeluruh kepada kawasan padi petani kecil ini yang kebanyakannya dimiliki oleh petani-petani berumur.

2. Meningkatkan produktiviti petani

Peningkatan produktiviti petani adalah kunci untuk mencapai kadar mampu diri yang lebih tinggi.

Untuk mencapai sasaran 100 peratus SSL, kerajaan perlu mensasarkan penghasilan padi kepada purata 8 tan per hektar.

Program latihan, kesedaran, dan pemantauan yang lebih menyeluruh harus diberikan kepada petani. Di antara strategi lain adalah dengan cara mempelbagaikan teknik atau cara penanaman padi.

Petani boleh diberi autonomi untuk mengamalkan teknik-teknik penanaman yang dirasakan sesuai berdasarkan kajian saintifik semasa.

Penanaman secara agroekologi seperti Sistem *Rice Intensification (SRI)*, penanaman padi secara organik, kawalan alternatif tanpa racun, dan penggunaan varieti padi yang pelbagai adalah di antara strategi yang boleh diperkenalkan kepada petani. Ini termasuk memperkenalkan padi-padi istimewa berpremium.

Varieti yang pelbagai ini akan membantu adaptasi ketahanan tanaman, meningkatkan hasil, dan sekaligus meningkatkan kualiti padi dan beras. Ini penting di kala dunia sedang menghadapi krisis perubahan iklim yang membimbangkan.

Kepelbagaian cara penanaman ini dapat membantu petani secara kolektif untuk melakukan intervensi segera jika sebarang bencana berlaku kelak.

Penghasilan beras premium juga dapat membantu meningkatkan pendapatan petani.

Selain daripada itu, kerajaan dan pemain industri perlu lebih berani di dalam program penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan padi dan beras.

Ini termasuk usaha untuk mempelbagaikan lagi variety padi berbanding sedia ada bagi memastikan penanaman padi dapat disesuaikan dengan *microclimate* kawasan penanaman padi seluruh negara.

Inovasi kepada input padi perlu dipertingkatkan agar kos penanaman dapat dikurangkan. Inovasi ini sekaligus dapat meningkatkan produksi input seperti baja dan racun di dalam negara akan mengurangkan ketergantungan pada import.

Pemain-pemain tempatan perlu didorong untuk mengambil peranan dalam penghasilan input tersebut.


Kerajaan perlu serius dalam menangani isu kebergantungan import kita terhadap beras.

Dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada import beras, Malaysia perlu mengambil langkah proaktif dan menyeluruh.

Dengan pelaksanaan strategi ini, negara ini dapat meningkatkan keterjaminan makanan, mengurangkan risiko krisis beras di masa depan, dan mencapai matlamat ketergantungan beras yang lebih rendah.

Ini adalah usaha yang penting untuk memastikan makanan yang mencukupi bagi rakyat Malaysia.

Headline	Pengurusan efisien, tingkat produktiviti tangani isu beras		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	17 Sep 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	56,027
Page No	11	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	439 cm ²
Journalist	Dr Muhamad Shakirin Mispan	AdValue	RM 14,536
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,608



Pengurusan efisien, tingkat produktiviti tangani isu beras



Profesor Madya di Institut Sains Biologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya

Oleh Dr Muhamad Shakirin Mispan
bhrencana@bh.com.my

Isu kekurangan bekalan beras negara kembali menjadi perhatian umum apabila beras dilaporkan sukar diperolehi pengguna di kedai. Sejak krisis beras melanda dunia pada 2008, kebergantungan tinggi kepada import beras menjadi satu masalah semakin serius.

Hari ini, lebih 30 peratus keperluan beras Malaysia diimport, sekali gus menyebabkan negara terdedah kepada risiko kebergantungan luar berpotensi membawa kepada krisis makanan dalam jangka masa terdekat.

Isu kekurangan bekalan beras negara dan kenaikan harga beras import turut mendapat perhatian ahli Parlimen pada sesi perbahasan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMK12) di Dewan Rakyat, minggu lalu.

Mereka berpendapat masalah itu perlu ditangani dengan kadar segera bagi meredakan keresahan dalam kalangan rakyat memandangkan beras ialah makanan ruji di negara ini.

Justeru, penting untuk kerajaan bertindak segera dan berusaha mencapai 100 peratus kadar mampu diri (SSL) dalam bekalan beras. Bagi mencapai matlamat ini, dua strategi utama perlu diambil.

● Pengurusan padi lebih efisien

Pengurusan tanah padi negara perlu ditingkatkan secara menyeluruh. Kini, hampir 10 peratus kawasan tanah padi tidak diusahakan sepenuhnya, terutama ketika penanaman luar musim dan di kawasan bukan jelapang padi.

Pelbagai langkah perlu diambil untuk memastikan semua tanah sawah dapat dimanfaatkan dengan baik sepanjang tahun. Ini akan meningkatkan hasil padi secara keseluruhannya.

Kejayaan pesawah Sekinchan, Selangor sejak sekian lama dalam usaha penghasilan padi tinggi perlu dijadikan model bagi industri padi negara.

Usaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam penggunaan teknologi dan pengurusan penanaman padi Sekinchan ke seluruh negara perlu disokong dan disambut, khususnya petani.

Konsolidasi petani kecil dengan bantuan terasas juga mampu mengelakkan mereka mengamalkan 3T (tanam, tinggal, tuai) pada sawah mereka.

Konsolidasi ini dapat menyeragamkan pengurusan penanaman, memurnikan kos input dan pemantauan lebih menyeluruh kepada kawasan sawah padi petani kecil yang kebanyakannya dimiliki pesawah berumur.

● Meningkatkan produktiviti pesawah

Peningkatan produktiviti pesawah adalah kunci untuk mencapai kadar mampu diri lebih tinggi. Bagi mencapai sasaran 100 peratus SSL, kerajaan perlu menyasarkan penghasilan padi kepada purata lapan tan per hektar. Program

latihan, kesedaran dan pemantauan lebih menyeluruh harus diberikan kepada pesawah.

Di antara strategi lain adalah dengan cara mempelbagaikan teknik atau cara penanaman padi. Pesawah boleh diberi autonomi untuk mengamalkan teknik penanaman dirasakan sesuai berdasarkan kajian saintifik semasa.

Pelbagaikan varieti padi

Penanaman secara agroekologi seperti *System Rice Intensification* (SRI), penanaman padi secara organik, kawalan alternatif tanpa racun dan penggunaan varieti padi pelbagai adalah antara strategi boleh diperkenalkan kepada pesawah.

Ini termasuk memperkenalkan padi istimewa berpremium. Varieti pelbagai ini akan membantu padi beradaptasi terhadap ketahanan tanaman, meningkatkan hasil dan sekali gus meningkatkan kualiti padi dan beras. Ini penting ketika dunia sedang menghadapi krisis perubahan iklim membimbangkan.

“ Kerajaan perlu serius tangani isu kebergantungan import terhadap beras. Dalam usaha kurangkan kebergantungan kepada import beras, Malaysia perlu mengambil langkah proaktif dan menyeluruh ”

Kepelbagaian cara penanaman ini dapat membantu pesawah secara kolektif untuk melakukan intervensi segera jika sebarang bencana berlaku. Bahkan, penghasilan beras premium juga dapat membantu meningkatkan pendapatan petani.

Selain itu, kerajaan dan penggiat industri perlu lebih berani dalam program penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan padi dan beras.


Ini termasuk usaha untuk mempelbagaikan lagi varieti padi berbanding sedia ada bagi memastikan penanaman padi dapat disesuaikan dengan iklim mikro kawasan penanaman padi seluruh negara.

Apa yang penting, inovasi kepada input padi perlu dipertingkatkan supaya kos penanaman dapat dikurangkan. Inovasi ini sekali gus dapat meningkatkan produksi input seperti baja dan racun dalam negara, mengurangkan kebergantungan pada import. Penggiat industri padi tempatan perlu didorong untuk mengambil peranan dalam penghasilan input ini.

Kerajaan pula perlu serius menangani isu kebergantungan import terhadap beras. Dalam usaha mahu mengurangkan kebergantungan kepada import beras, Malaysia perlu mengambil langkah proaktif dan menyeluruh.

Menerusi pelaksanaan strategi ini, negara dapat meningkatkan keterjaminan makanan, mengurangkan risiko krisis beras di masa depan dan mencapai matlamat kebergantungan beras lebih rendah. Ini adalah usaha penting untuk memastikan makanan mencukupi bagi rakyat.

Headline	Rice is sold out		
MediaTitle	China Press		
Date	17 Sep 2023	Color	Full Color
Section	Central	Circulation	127,822
Page No	C1	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	819 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,155
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,465



限購仍無法應付需求



白米一上架 就售罄

◎郭貞黎

(吉隆坡16日讯)本地白米供应尚不稳定,以致米价受限,部分商家只得设法应对,包括限制顾客购买量,惟高需求地区才上架便快速售罄!

农业及食品安全部日前宣布,实行商家限购购买本地白米措施,每人一次只能购买100公斤的本地白米,以解决本地白米短缺的问题。

据本报探悉,雪隆区杂货商、超市等获得的本地白米供应有限,以致商家只能限制每位顾客购买1包本地白米,但还是无法应付高需求,部分地区只是上架两小时内就售罄。

巫裔顾客需求量最高

一些杂货商、超市等接受《中国报》电话采访时都表明截至目前,本地白米供应量仍短缺,商家无法获得足够供应。

由于各州尤其雪州瓜拉、透纳任和沙白一带,及吉打、霹靂州稻农还没收成,一般相信要待本地稻农收成,才有望缓和本地米短缺问题。

一些杂货商公会等坦言,接获杂货商投诉本地白米短缺、米价有限等。他们说,如今的本地白米供应不稳定,也无法像过去每周获得货源。

如今一些杂货商或超市,平均每次仅获10包至少于50包的本地白米,分为10公斤装和5公斤装。

他们也直言,各区情况不同,本地白米需求最高的是巫裔顾客、小贩和外劳。

他们说,一些巫裔社区或外劳居多的地区,不管本地白米米来货多少都无法应付高需求。

他们指出,农业及食品安全部限制购买措施并无法解决问题,杂货商或超市等都面对米价被限制的情况。

“本地白米是补贴产品,主要让人民可购买便宜的本地白米,尤其是低收入、B40群体,但如今不少人买不到(本地白米)了。”



■超市贴出告示提醒消费者,每户家庭只允许购买10包本地白米。

部分霸市:供应量比过去少

部分霸市市场回应,目前仍获得本地白米供应,只是供应量比过去减少,每次米量也不一定。他们说,因米货有限,当较便宜的本地白米售罄,后来的顾客就会买不到。

“目前,只是本地白米较短缺,进口白米供应还足够,也有不少本地消费者购买进口白米。”



■林福财

林福财:料年尾收成才缓和

雪隆潮州商会总会会长林福财说,本地白米迄今仍持续短缺,预计还需等到年尾稻米收成,才能缓和本地白米短缺情况。

他说,目前本地稻米还没收成,只有等待年尾稻田收成,才有望缓和白米短缺问题。

他指出,他们近期接获一些杂货商投诉,指本地白米供应断断续续,即便有供应,最多也只获得10包。

他说,在一些对本地白米需求高的杂货店,10包根本就不够,还要向顾客解释米货不多的问题,不是商家故意存着不卖等。

“因米货有限,商家只有限制顾客1人只能买1包,但每个地区情况不同,要看当地是不是以巫裔或外劳居多。”

他说,马来区对本地白米的需求量高,外劳尤其孟加拉外劳等很多都会买本地白米,因为价格便宜。

他指出,本地白米有政府补贴,但杂货商无法禁止外劳或小贩购买。

他说,农业和食品安全部限购本地白米100公斤,并不是解决方法。

“本地或进口白米都是通过国家稻米公司(BERNAS)供应,政府应改变过去数十年处理稻米的政策,特别是国家稻米公司应重新整顿。”

一些超市出现外国进口白米充裕;本地白米不足的现象。

超市业者拿督沈水兴说,由于本地白米供应有限,顾客每次只限购买1包本地白米。他说,截至目前为止,本地白米的问题还没解决,如今还是相当短缺。

他指出,他们在本周没获得本地白米供应,最新一次是在上周。

他说,他们共有六七间供应商,但都无法供应本地白米给杂货商、超市等。

“我们上周获得20包5公斤,及20包10公斤的本地白米,上架两小时内就售罄。”

他说,由于本地白米便宜,只售20令吉多,加上供应有限,每位顾客也只限购买1包。

他说,由于农业及食品安全部的限制100公斤购买量,顾客被告知只能购买1包时,争论受限购买100公斤本地白米的情况,也让他们必须向顾客做出解释。

沈水兴:每次限购1包米

Headline	Local rice is being snatched up instantly		
MediaTitle	China Press		
Date	17 Sep 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A1,A6	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	1102 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 21,738
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,214



■在檳島日落洞E-Gate的Lotus's霸市，周五（15日）數百包本地白米一到，上架短短1小時半就被民眾一掃而空，架上空空如也，與進口白米的陳列架形成強烈對比。

本地米不夠賣

貨一到即被搶空

報導·攝影 ◀ 陳紫凌

（檳城16日訊）本地白米短缺情況愈發嚴重，一有貨到，即被搶空！進口白米起價後，全國各地都出現本地白米荒，因商販和民眾改買本地白米，以致需求量大增。

文轉A6 →



■本地白米供應多月來一直不穩定，雜貨店和超市業者貨源受限，導致各地出現本地白米荒。雖然農業與食品安全全部已規定個人或商家限購100公斤本地白米，但問題持續惡化未見緩

解。由於商民搶購，雪隆地區超市雜貨店本地白米貨架都是空的，一包難求。

◆攝影：溫志傑

Headline	Local rice is being snatched up instantly		
MediaTitle	China Press		
Date	17 Sep 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A1,A6	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	1102 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 21,738
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,214

陳泓縑：進口米漲價 民眾改買本地米致短缺



■陳泓縑

(吉隆坡16日讯) 农业及食品安全部副部长陈泓縑说，由于稻米歉收导致进口白米价格飙升，民众改买价格受控的本地白米，才会让本地白米供不应求。不过，随著一些产米州属将在下

个月迎来收成，相信有助舒缓本地白米的需求。陈泓縑日前作客国营电视节目《你怎么说》时指出，艾尔尼诺现象影响了全球稻米产量，进口白米价格随之不断上涨。他说，“找不到米”可能只是短暂现象，政府目前已推出几个措

施，包括每人限购100公斤本地白米，或要求米商交出20%的本地白米库存给国家稻米公司重新分配到市场。

庫存量夠用5個月

另外，陈泓縑也保证，国家稻米

公司的白米库存足够应付国内5个月的需求。“我国成年人每年平均吃大约80公斤白米，而国家稻米公司的白米库存维持在约25万吨，至于市场上销售的白米则维持在大约100万吨。”“整个白米的库存量能够应付5个月的白米需求。”



■霸市的陈列架上张贴小告示，每户家庭限制每日仅能购买3包Jati本地白米。



■发现置放本地白米的陈列架上，空空如也，与置放进口白米的陈列架，形成强烈对比。

本地米不夠賣

補貨要等一星期

据记者观察，槟城Lotus's霸级市场昨天才进了数百包本地白米新货，在上架后短短1小时半，即被抢购一空。随著昨日的补货被一扫而空，位于日落洞E-Gate的Lotus's霸市，要到下周才有本地白米新货上架。有关本地白米分别是红毛丹牌子及Ketapat牌子，昨日该2个牌子的本地白米，各来货数百包，但不到2小时就被民众抢空。这2个牌子的本地白米货源，是10公斤包装，每包售价20令吉。相当于1公斤2令吉60仙，是政府统制价格。《中国报》记者今早到Lotus's霸市了解本地白米货源有否短缺时，发现置放本地白米的陈列架上，空空如也，与置放进口白米的陈列架，形成强烈对比。

限制購買量

目前该霸市的本地白米货源，每周补货2次，随著昨日的新货被一扫而空，需等下周才有新货。据所见，需要急用到白米的民众，只好买“贵米”，选择价格较高的进口白米。而陈列架上也有张贴小告示，每户家庭限制每日仅能购买3包Jati本地白米。而历史最悠久加马(GAMA)百货公司的白米货源，也严重短缺，不懂何时才有新货源。



■诺阿斯拉

加马楼层主管诺阿斯拉受访时说，6月那段时期，该超市的本地白米的货源是500包以上，但现在不到100包。他说，该超市上周开始缺货，就算有新货到，也不到100包，有时近100包。“我们已经发订单给供应商，但迟迟没来货，顾客也不停在追问，何时才有本地白米。”他说，由于货源不足，超市也限制每名顾客仅能购买各2包5公斤及10公斤装的本地白米。



■顾客在加马超市选购白米，目前该超市仅剩进口白米，本地白米货源短缺。

餐館業者：白米不缺卻頻漲價

槟城一间餐馆虽没面对本地白米货源短缺问题，但供应商的白米价格一涨再涨，短短一周再涨4令吉。不愿具名的餐馆业者受访时说，供应商告知，提供给该餐馆的白米，一半是本地白米，一半是进口白米。早前每包10公斤装的成本价，是23令吉。“之后白米价格调涨至每包10公斤装30令吉维持了约2个月，上周起涨价至35令吉，没想到本周又再涨价，周五(15日)刚补货，价格是39令吉。”“我们目前没面对白米短缺问题，一切如常，只是价格涨不停。”



■加马超市的白米陈列架上，贴上货源短缺的小告示。

Headline	Chan : Rice shortage issue is just temporary		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	17 Sep 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A7	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	215 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,258
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,773



陳泓縑：本地米需求增致缺貨 買不到米屬短暫現象

（吉隆坡16日讯）农业及食品全部副部长陈泓縑强调，“找不到米”可能只是短暂现象，它是因为入口白米欠收价格飙升，国人改买价格受控的本地白米所致。

他说，民众改买本地白米，导致本地白米需求量增加，才会出现本地白米供不应求。

他表示，这个现象会随着一些产米州属将在下个月迎来收成而获得纾缓。

陈泓縑日前作客国营电视台节目《你怎么说》时指

出，“找不到米”可能只是短暂现象，政府目前已推出几个措施，包括每人限购100公斤本地白米，或要求米商交出20%的本地白米库存给国家稻米公司重新分配到市场。

国稻库存够应付5个月需求

另外，陈泓縑也强调，国家稻米公司的白米库存足够应付国内5个月的需求。

“我国成年人每年平均吃大约80公斤白米，而国家稻米公司的白米库存维持在约25万吨，至于市场上销售的白米则维持在大约100万吨。

“整个白米的库存量能够应付5个月的白米需求。”
(LPP)